

# Analisis Perbandingan Orientasi Matlamat Atlet Lelaki Bawah Lapan Belas Tahun Pedalaman Sabah

## *Comparative Analysis of Goal Orientation among Under Eighteen Male Athletes in Rural Area of Sabah*

Joseph Nandu dan Hasnol Noordin  
Universiti Malaysia Sabah

Corresponding author: joseph\_nandu@yahoo.com

Dihantar/Received: 2 September 2019 | Diterima/Accepted: 1 Disember 2019

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v3i1.4011>

Pencapaian seseorang atlet dalam sukan olahraga dapat dipengaruhi oleh beberapa faktor psikologi seperti motivasi, orientasi matlamat, kekuatan mental dan persepsi kognitif. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perbezaan faktor psikologi terhadap orientasi matlamat, subskala orientasi ego dan orientasi tugas antara atlet acara balapan dan acara padang. Peserta seramai enam puluh empat orang atlet lelaki bawah lapan belas tahun telah dipilih untuk menyertai kajian dan mereka terdiri daripada atlet bahagian pedalaman Sabah. Instrumen yang telah digunakan dalam kajian ini adalah Task and Ego Orientation in Sports Questionnaire (TEOSQ) yang telah diterjemahkan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap orientasi matlamat, subskala orientasi ego dan orientasi tugas di antara atlet acara balapan dan padang. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan Teori Persepsi Kebolehan Nicholls kerana asas komponen ini berpusatkan kepada penguasaan sesuatu kemahiran ataupun tugas.

Kata kunci: orientasi matlamat, orientasi ego, orientasi tugas

*An athlete's performance in sports could be influenced by a number of psychological factors such as motivation, goal orientation, mental strength and cognitive perception. The purpose of this study is to identify the differences in psychological factors in goal orientation, ego orientation and task orientation between track and field event in athletics. Sixty-four male athletes under eighteen were selected to participate in the study. The translated Task and Ego Orientation in Sports Questionnaire (TEOSQ) was used as the instruments in this study. The results showed that there were no significant differences in goal orientation, ego orientation and task orientation between track and field event in athletics. The findings of this study are in line with Nicholls's Theory of Perception because the basis of this component is based on mastery of a skill or a task.*

Keywords: goal orientation, ego orientation, task orientation

Orientasi matlamat terbahagi kepada dua iaitu orientasi ego dan orientasi tugas (Duda, 1996). Individu yang mempunyai orientasi ego akan lebih cenderung untuk menunjukkan sifat penguasaan dan kompetensi diri yang lebih tinggi berbanding orang lain dan ini membawa kepada definisi kurangnya kawalan diri kepada individu tersebut semasa dalam proses mencapai matlamat. Sebaliknya, individu yang memilih untuk mencapai matlamat melalui orientasi tugas akan memberi tumpuan terhadap penguasaan tugas dan belajar di atas sebab-sebab intrinsik semata-mata dan memperoleh rasa penguasaan berdasarkan kemajuan peribadi, iaitu usaha yang tinggi dan dapat belajar sesuatu yang baru (Duda & Nicholls, 1992; Duda, 1996).

Penetapan orientasi matlamat ini sangat penting untuk meningkatkan tahap pencapaian dalam sukan (Hardly, Jones & Gould, 1996; Papaioannou & Hackfort, 2016). Kajian terdahulu yang dijalankan oleh Phairembam (2013) ke atas 80 orang atlet bola keranjang yang berumur antara 14 hingga 17 tahun menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam orientasi matlamat antara atlet bola keranjang di sekolah bandar Pune, India. Dapatan ini menjelaskan bahawa responden dalam kajian ini mempunyai orientasi matlamat yang hampir sama. Orientasi matlamat adalah antara faktor dalam seseorang

atlet yang menentukan tahap pencapaian dalam sukan (Shaharudin Abd. Aziz, 2006). Penetapan orientasi matlamat atlet olahraga juga bakal menentukan cara mereka menginterpretasikan pencapaian yang dicapai dalam sesuatu kejohanan dengan erti kata lain cara seseorang atlet itu mendefinisikan kejayaannya sama ada atlet tersebut memiliki orientasi matlamat yang berorientasikan ego atau pun berorientasikan tugas. Kedua-dua orientasi matlamat ini akan menentukan hala tuju kejayaan seseorang atlet olahraga.

Justeru itu, adalah sangat penting untuk mengenal pasti orientasi matlamat seseorang atlet agar dapat dibantu dan mengelakkan atlet tersebut mengalami kesan psikologi sebelum dan ketika pertandingan. Demikian halnya dalam sukan olahraga yang sering kali dikaitkan dengan kedudukan (*ranking*) dan juga orientasi matlamat bergantung kepada acara. Acara dalam sukan olahraga ini terdiri daripada acara balapan dan juga acara padang. Kedua-dua kategori acara ini mempunyai perbezaan dari segi struktur pertandingan. Acara balapan sering dijalankan secara serentak di mana setiap atlet akan bertanding dalam masa yang sama. Manakala bagi acara padang pula, para atlet akan bertanding secara individu mengikut giliran dan tidak serentak tetapi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Adalah dipercayai bahawa melalui bentuk ataupun struktur

pertandingan kedua-dua acara ini dijalankan akan memberikan kesan dan pengaruh kepada psikologi atlet terutama dalam orientasi matlamat (ego dan tugas).

Melalui kajian terdahulu, kurangnya kajian mengenai hubungan antara orientasi matlamat dan tingkah laku pencapaian dalam sukan terutama dalam sukan olahraga bagi acara padang dan balapan. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti orientasi matlamat serta subskala ego dan tugas di antara atlet bagi acara balapan dan acara padang. Pengkaji menjangkakan bahawa dapatan kajian ini akan memberi manfaat kepada jurulatih dalam menyediakan garis panduan serta rujukan untuk merangka program latihan yang terbaik kepada keperluan psikologi atlet melalui acara yang diambil dalam sukan olahraga.

## Metode

### Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada 64 orang atlet lelaki bawah lapan belas tahun iaitu 32 orang atlet acara balapan (100 meter, 200 meter, 400 meter dan 800 meter) dan 32 orang atlet acara padang (lompat jauh, lompat tinggi, lompat kijang dan lontar peluru) yang menyertai Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Pedalaman, Sabah.

### Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang telah dijalankan adalah melalui kaedah tinjauan iaitu dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian tinjauan adalah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang popular digunakan dalam pelbagai bidang terutamanya bidang sains sosial (Chua, 2009). Kaedah tinjauan dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama.

### Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah *Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire* (TEOSQ) yang telah dibangunkan oleh Duda dan Nicholls (1992) yang terdiri daripada dua subskala untuk mengukur orientasi ego dan orientasi tugas yang telah diterjemahkan oleh Aris Fazil Ujang (2005) dengan kebolehpercayaan 0.81. Sebanyak 13 item diguna pakai sebagai alat ukur orientasi matlamat dengan skala likert 5 nilai iaitu (1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Tidak Pasti, 4 – Bersetuju dan 5 – Sangat Bersetuju).

### Analisis Data

Kaedah statistik dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistik Versi 25.0 untuk menganalisis dan menginterpretasi data. Ujian-t sampel bebas dilaksanakan untuk mengenal pasti perbezaan orientasi matlamat dan subskala (ego dan tugas) dalam kalangan atlet acara balapan dan atlet acara padang di Pedalaman Sabah.

## Keputusan

Jadual 1 menunjukkan analisis ujian-t orientasi matlamat. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara atlet acara balapan dan padang dari segi orientasi matlamat. Nilai perbezaan min .022 menunjukkan bahawa atlet acara balapan mempunyai orientasi matlamat yang hampir sama iaitu nilai min 3.587 berbanding dengan atlet acara padang dengan nilai min 3.609. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap orientasi matlamat antara atlet acara balapan dan padang,  $t(62) = .183$ ,  $k > .05$ .

Jadual 1

*Analisis Ujian-t Orientasi Matlamat antara atlet Acara Balapan dan Padang*

| Acara   | N  | Min   | Sisihan<br>Piawai | dk | t    |
|---------|----|-------|-------------------|----|------|
| Balapan | 32 | 3.587 | .491              | 62 | .183 |
| Padang  | 32 | 3.609 | .455              |    |      |

Jadual 2 menunjukkan analisis ujian-t orientasi ego. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara atlet acara balapan dan padang dari segi orientasi ego. Nilai perbezaan min .089 menunjukkan bahawa atlet acara balapan mempunyai orientasi ego yang hampir sama iaitu nilai min 3.208 berbanding dengan atlet acara padang dengan nilai min 3.297. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap orientasi ego antara atlet acara balapan dan padang,  $t(62) = .674$ ,  $k > .05$ .

Jadual 2

*Analisis Ujian-t Orientasi Ego antara Atlet Acara Balapan dan Padang*

| Acara   | N  | Min   | Sisihan<br>Piawai | dk | t    |
|---------|----|-------|-------------------|----|------|
| Balapan | 32 | 3.208 | .566              | 62 | .674 |
| Padang  | 32 | 3.297 | .480              |    |      |

Jadual 3 menunjukkan analisis ujian-t orientasi tugas. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara atlet acara balapan dan padang dari segi orientasi tugas. Nilai perbezaan min .036 menunjukkan bahawa atlet acara balapan mempunyai orientasi tugas yang hampir sama iaitu nilai min 3.911 berbanding dengan atlet acara padang dengan nilai min 3.875. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap orientasi tugas antara atlet acara balapan dan padang,  $t(62) = .215$ ,  $k > .05$ .

Jadual 3

*Analisis Ujian-t Orientasi Tugas antara Atlet Acara Balapan dan Padang*

| Acara   | N  | Min   | Sisihan<br>Piawai | dk | t    |
|---------|----|-------|-------------------|----|------|
| Balapan | 32 | 3.911 | .562              | 62 | .215 |
| Padang  | 32 | 3.875 | .756              |    |      |

Jadual 4 menunjukkan analisis perbandingan antara orientasi matlamat, orientasi ego dan orientasi tugas. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam orientasi matlamat serta subskala orientasi ego dan orientasi tugas di antara atlet acara balapan dan atlet acara padang.

Jadual 4

*Perbandingan Orientasi Matlamat, Ego dan Tugas antara Atlet Acara Balapan dan Padang*

|                    | Balapan    | Padang     | k    |
|--------------------|------------|------------|------|
| Orientasi Matlamat | 3.59 ± .49 | 3.61 ± .46 | .856 |
| Orientasi Ego      | 3.21 ± .57 | 3.30 ± .48 | .503 |
| Orientasi Tugas    | 3.91 ± .56 | 3.88 ± .76 | .831 |

### Perbincangan dan Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 4, maka dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam orientasi matlamat serta subskala orientasi ego dan orientasi tugas di antara atlet acara balapan dan atlet acara padang di samping perbezaan dari segi struktur pertandingan. Bagi orientasi matlamat, atlet dalam acara balapan akan bertanding secara *co-active* iaitu bertanding serta bersaing secara serentak. Namun bagi acara padang, atlet akan bertanding secara sendiri mengikut giliran tetapi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Matlamat utama atlet bagi acara balapan dan acara padang dalam menyertai kejohanan ini adalah sama iaitu tanpa dipengaruhi oleh mana-mana struktur pertandingan dijalankan secara keseluruhannya. Dapatan kajian ini menyokong dapatan oleh (Phairembam, 2013) yang menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam orientasi matlamat antara atlet bola keranjang di sekolah bandar Pune, India. Ini menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini mempunyai orientasi matlamat yang hampir sama. Kajian ini juga selaras dengan dapatan oleh Rathee & Singh (2011) ke atas atlet kebangsaan dan juga atlet antarabangsa bagi tiga jenis sukan yang berlainan iaitu sukan bola keranjang, sukan hoki dan sukan bola baling. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan orientasi matlamat bagi atlet lelaki mahupun atlet wanita.

Hasil analisis orientasi matlamat subskala ego menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara atlet acara balapan dan juga atlet acara padang dengan nilai perbezaan min .089. Atlet acara balapan memiliki orientasi ego yang hampir sama dengan atlet acara padang. Orientasi ego merujuk kepada seseorang atlet yang berusaha untuk mengalahkan pesaingnya dalam usaha yang sedikit dan mentafsirkan kejayaannya sebagai satu pencapaian memperoleh status, anugerah dan penghargaan berbanding atlet lain (Nicholls, 1989). Penjelasan Nicholls (1984) bahawa atlet yang mengamalkan orientasi ego akan menjadikan atlet pesaingnya sebagai pengukur tahap pencapaian atau kebolehannya. Duda dan Whitehead (1998) memperkuat lagi penjelasan ini dengan menyatakan bahawa secara normatif dan kebolehan seseorang atlet yang memiliki orientasi ego akan sering kali membandingkan kebolehannya dengan atlet lain dengan persepsi bahawa seseorang atlet akan berjaya apabila mampu mengalahkan pesaingnya dengan merujuk kepada menang atau kalah dalam sesuatu pertandingan.

Dapatan analisis orientasi matlamat subskala tugas juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara atlet acara balapan dan juga atlet acara padang dengan nilai perbezaan min .036. Atlet acara balapan memiliki orientasi tugas yang hampir sama dengan atlet acara padang. Orientasi tugas merujuk kepada keinginan tinggi dalam diri seseorang atlet untuk menguasai sesuatu kemahiran serta minat dalam acara tersebut. Atlet yang memiliki orientasi tugas akan menilai tahap pencapaiannya dengan membandingkan prestasi semasanya dengan pencapaian terbaik peribadi. Ini menjelaskan bahawa atlet ini akan sentiasa melihat pencapaiannya tanpa membandingkan dengan pencapaian atlet lain. Atlet ini akan menganggap dirinya sudah berjaya apabila pencapaiannya mampu meningkatkan pencapaian terbaik peribadinya serta berupaya memperbaiki kelemahan diri (Nicholls, 1989). Ini diperjelaskan oleh dapatan Duda (1987) bahawa atlet yang cenderung kepada orientasi tugas akan berusaha melaksanakan tugas dalam sesuatu pertandingan tanpa membandingkan keupayaannya dengan atlet lain. Atlet ini juga akan sentiasa berusaha meningkatkan tahap pencapaian serta akan bersedia menerima sebarang keputusan dalam sebarang pertandingan. Oleh yang demikian, atlet yang berorientasikan tugas mampu mengatasi kekecewaan jika mengalami kekalahan (Weinberg dan Gould, 1995). Dapatan dalam kajian ini bertentangan dengan kajian oleh Rosli Saadan, Ahmad Jawahir Tugimin dan Noor Maslian (2008) terhadap atlet negeri Melaka yang menyertai Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) di negeri Terengganu dengan dapatan kajian menunjukkan bahawa orientasi tugas atlet SUKMA negeri Melaka lebih tinggi berbanding dengan orientasi ego.

Justeru itu, kajian lebih lanjut perlulah dijalankan bagi mengenal pasti permasalahan ini agar dapat membantu para jurulatih sekolah di Pedalaman Sabah berkaitan orientasi matlamat serta subskala ego dan tugas atlet mereka supaya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan tahap pencapaian dalam sukan olahraga.

### Rujukan

- Aris Fazil, H. U. (2005). *Kebimbangan Pra-Pertandingan dan Orientasi Matlamat di Kalangan Atlet Merentas Desa*. Master Sains: UPM.
- Chua, Y. P. (2009). *Statistik Penyelidikan Lanjutan*. Seri Kembangan, Selangor: Mc Graw Hill.
- Duda, J. L. (1987). Toward A Development Theory of Childrens Motivation in Sport. *Journal of Sport Psychology*, 9, 130–145.
- Duda, J. L. (1996). Maximizing motivation in sport and physical education among children and adolescents: The case for greater task involvement. *Quest*, 48(3), 290–302.
- Duda, J., & Nicholls, J. (1992). Dimensions of Achievement Motivation in Schoolwork and Sport. *Journal Education Psychology*, 84, 290–299.
- Duda, J. L., & Whitehead, J. (1998). Measurement of Goal Perspective in The Physical Domain. In J. L. Duda, *Advances in Sport and Exercise Psychology Measurement* (pp. 21-48). Morgatown USA: Fitness Information Technology, Inc.
- Hardly, L., Jones, G., & Gould, D. (1996). *Understanding Psychological Preparation For Sport Theory & Practice of Elite Performers*. England: John Wiley & Son Ltd.

- Nicholls, J. G. (1984). Achievement Motivation. Conception of Ability, Subjective Experience Task Choice and Performance. *Psychological Review*, 91(3), 328–346.
- Nicholls, J. G. (1989). *The Competitive Ethos and Democratic Education*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Papaioannou, A. G., & Hackfort, D. (2016). *Sport & exercise psychology*. London and New York: Routledge.
- Phairembam, J. (2013). Comparative study of the sports achievement motivation between male and female school basketball players. *Journal of Humanities and Social Science*, 7, 23–26.
- Rathee, N. K., & Singh, J. (2011). Achievement motivation and adjustment patterns among international and national players of different team sports. *Journal of Social Sciences*, 7, 369–374.
- Rosli, A. J., Ahmad Jawahir, T., & Noor, M. (2008). Corak Orientasi Matlamat Atlet Sukan Malaysia Melaka (SUKMA): Satu Tinjauan. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia*, 22-23.
- Shaharudin, A. A. (2006). *Mengaplikasi teori psikologi dalam sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Weinberg, R., & Gould, D. (1995). *Foundation of sport and exercise psychology*. Champaign, IL: Human Kinetics.